

HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN DALAM PEMBELAJARAN BERASASKAN SUMBER-SUMBER SEJARAH DENGAN MOTIVASI INSTRINSIK

*The Relationship Between Readiness of Learning Based Historical
Sources Towards Intrinsic Motivation*

*M.Kaviza, Fauziah Abdul Rahim

Nurliyana Bukhari

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

Universiti Utara Malaysia

*e-mel :kavizakaviza@yahoo.com

Received : 18 Oktober 2018; Accepted : 30 November 2018; Published : 29 Disember 2018

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dengan motivasi instrinsik dalam kalangan murid. Kajian ini berbentuk tinjauan secara korelasi yang melibatkan sampel kajian seramai 521 orang murid Tingkatan Empat di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Soal selidik yang telah diadaptasi dan disahkan oleh pakar pendidikan sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik telah digunakan sebagai instrumen kajian ini. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dan ujian Regresi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap mempunyai hubungan linear positif yang amat tinggi secara signifikan terhadap motivasi instrinsik dalam kalangan murid. Tambahan pula, pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kesediaan pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah didapati menyumbang kepada peningkatan motivasi instrinsik secara signifikan. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan sumber-sumber sejarah perlu diterapkan secara menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah kerana mempunyai perkaitan yang kuat antara kesediaan dengan motivasi instrinsik dalam kalangan murid.

Kata kunci *Kesediaan, korelasi, motivasi instrinsik, pembelajaran, sumber-sumber sejarah.*

Abstract

This study aims to determine the relationship between readiness of learning based historical sources towards intrinsic motivation among students. This survey study with correlation design are involving 521

Form Four students in a north state of Peninsular Malaysia using simple random sampling techniques. The adapted questionnaires which have been validated by content expert and have good reliability value are used as research instruments in this study. The data of this study was analyzed descriptively and inferred such as Pearson Correlation and Regression test. The findings of this study showed that the readiness of learning based historical sources in terms of knowledge, skills and attitudes have a significant high positive linear relationship with intrinsic motivation among students. Beside that, knowledge, skills and attitudes of readiness of learning based historical sources have contributed significantly to increase intrinsic motivation. The implication of this study suggested that historical sources should be fully utilized in teaching and learning process because it is has a strong connection between readiness and intrinsic motivation among the students.

Keywords *Correlation, instrinsic motivation, historical sources, learning, readiness.*

PENGENALAN

Mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran teras dalam kurikulum sejarah yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia dengan memupuk dan memperkukuh identiti diri serta semangat setia negara sebagai warganegara Malaysia, di samping dapat mewujudkan semangat perpaduan, perasaan kekitaan, kesedaran kebangsaan dan memperkukuh perasaan cinta akan tanah air (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003; 2015). Oleh itu, proses pemikiran secara kritis dan analitis perlu dirangsang dalam kalangan murid bagi memastikan matlamat kurikulum sejarah yang ditetapkan dapat dicapai dengan baik. Maka, penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran sejarah adalah sesuai dan relevan dipraktikkan ke dalam konteks persekolahan sekolah menengah (Brown & Dotson, 2007; Getman-Eraso & Culkin, 2017; Patterson, Lucas & Kithinji, 2012). Kepentingan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah turut disarankan dalam struktur disiplin kurikulum sejarah seperti ditunjukkan pada Rajah 1 yang menjelaskan mata pelajaran sejarah sebagai suatu disiplin ilmu yang melibatkan aktiviti meneroka sesuatu kebenaran atau peristiwa yang telah berlaku pada masa dahulu berdasarkan bukti sejarah seperti sumber lisan, bertulis, imej, tinggalan purba dan sebagainya (PPK, 2003; 2015; Johansson, 2017; Reisman & Fogo, 2016). Sumber-sumber sejarah telah ditakrifkan sebagai sebuah karya yang menyediakan maklumat atau bukti yang bersifat asli yang berkaitan dengan sesuatu fakta, kejadian atau siri sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu yang dijadikan bahan kajian oleh ahli sejarah yang terdiri daripada sumber primer dan sekunder (Suntharalingam, 1985; Hazri Jamil, 2003; Library of Congress, 2006). Dengan ini, murid-murid berpeluang untuk menganalisis sumber-sumber sejarah tersebut bagi membuat suatu tafsiran sejarah yang terperinci, kukuh dan tepat (Suh, 2013; Marino, 2012;

Hover, Hicks, & Dack, 2016), di samping dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan motivasi belajar dalam kalangan murid secara tidak langsung (Dutt-Doner, 2015; Cowgill & Waring, 2017; Harris, Halvorsen & Aponte-Martinez, 2015; Nokes, Dole, dan Hacker, 2007).



Rajah 1: Struktur Disiplin Sejarah
Sumber: PPK, (2003; 2015)

PERNYATAAN MASALAH

Tidak dapat disangkal bahawa murid-murid sering beranggapan bahawa mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran yang membosankan disebabkan oleh amalan pengajaran yang menekankan hafalan fakta sejarah semata-mata di dalam kelas (Hazri Jamil, 2003; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996; Abdul Rahim Abdul Rashid, 2000). Hal ini telah menyebabkan murid sering tidak bermotivasi untuk belajar mata pelajaran sejarah, sedangkan mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran teras dan wajib dipelajari secara berterusan dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah (PPK, 2003; 2015). Tahap motivasi yang rendah dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah juga telah dilaporkan dalam kajian Ch'ng, (2005), kajian Fadzillah Sulaiman, (2010), kajian Ambika Luhitadati, Maskun dan Suparman Arif, (2017) yang menjelaskan bahawa murid-murid mendapati proses pengajaran dan pembelajaran sejarah adalah tidak menarik dan berteraskan penerangan guru yang telah mengakibatkan mereka tidak berminat untuk mengikuti pelajaran sejarah berbanding dengan mata pelajaran yang lain. Walaupun tahap motivasi instrinsik dalam kalangan murid adalah dipengaruhi oleh pelbagai aspek, namun aspek kesediaan murid terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran

sejarah merupakan salah satu indikator penting dalam menentukan peningkatan motivasi dalam kalangan murid seperti diterangkan dalam kajian-kajian lepas (Tally & Goldenberg, 2005; Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & NurSyazwani Abdul Talib, 2016). Hal ini kerana kesediaan dalam pembelajaran ditakrifkan sebagai keadaan atau kecenderungan dalam diri murid yang bersedia dan berkebolehan untuk memperoleh pembelajaran yang baru yang berkesan (Boon & Raghir Kaur, 1998). Pendapat ini adalah selari dengan dapatan kajian Kaviza, (2018) yang telah melaporkan bahawa tahap kesediaan murid terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran sejarah berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana tahap kesediaan murid dalam mengikuti suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan adalah berupaya untuk meningkatkan motivasi dalaman dan luaran untuk belajar mata pelajaran tersebut dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan mereka mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan (Albrecht & Karabenick, 2018; Roth & Hsu, 2008). Pendapat ini juga konsisten dengan pendapat Straaten, Wilschut dan Oostdam, (2015)serta pendapat Subadrah Nair, Rajeswari P.Sinnasamy dan Najeemah Mohd Yusof, (2011) yang menjelaskan bahawa tahap kesediaan yang rendah telah menyebabkan murid gagal untuk membentuk dan menjana suasana pembelajaran yang bermakna dengan merangsang pemikiran yang lebih baik yang telah mengakibatkan berlakunya kemerosotan dalam pencapaian dan motivasi dalam kalangan murid secara tidak langsung.Oleh itu, terdapat satu keperluan dalam kajian ini untuk mengenal pasti sama ada kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah mempengaruhi motivasi instrinsik dalam kalangan murid.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dengan motivasi instrinsik?
 - a. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek pengetahuan dengan motivasi instrinsik?
 - b. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek kemahiran dengan motivasi instrinsik?
 - c. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek sikap dengan motivasi instrinsik?
2. Adakah terdapat sumbangan yang signifikan bagi pembolehubah peramal iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dengan motivasi instrinsik?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan secara korelasi (Cresswell, 2014). Sampel kajian ini terdiri daripada 521 orang murid Tingkatan Empat di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia melalui teknik persampelan rawak mudah. Jumlah sampel yang diperolehi dalam kajian ini adalah melebihi bilangan sampel yang diperlukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel kajian dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik kesediaan pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dibina oleh pengkaji berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas yang terdiri daripada 30 item, manakala soal selidik motivasi instrinsik pula telah diadaptasi daripada *Intrinsic Motivation Inventory* (IMI) yang dibina oleh Deci dan Ryan, (1985) yang terdiri daripada 45 item. Soal selidik motivasi instrinsik telah diterjemahkan dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dengan kaedah “*back to back translation*” (Neuman, 2000) oleh dua orang pakar dalam bidang bahasa. Kebenaran menterjemahkan dan menggunakan semula soal selidik motivasi instrinsik tersebut telah diperolehi daripada peminanya melalui email. Kedua-dua soal selidik tersebut telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman melebihi 10 tahun serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* iaitu 0.97 bagi soal selidik kesediaan pengajaran dan pembelajaran sejarah dan 0.93 bagi soal selidik motivasi instrinsik yang dianggap baik oleh Nunnally, (1978) dan diterima bagi tujuan kajian ini. Data kuantitatif dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 24 secara statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dan Regresi Pelbagai. Interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini dilakukan berdasarkan adaptasi interpretasi korelasi daripada kajian Davies, (1971) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
0.70 – 1.00	Amat tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana tinggi
0.10 - 0.29	Rendah
0.00-0.09	Diabaikan

Sumber: Adaptasi daripada Davies, (1971)

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian bagi menjawab soalan 1 dan 2 yang telah dinyatakan.

Soalan Kajian 1

Bagi menjawab soalan kajian 1, maka pengkaji telah membentuk hipotesis nol (H_0) bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) seperti berikut:

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalam

pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dengan motivasi intrinsik.

Berdasarkan Jadual 2, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah [$r=0.78$, $p=0.00$] terhadap motivasi intrinsik adalah signifikan iaitu hubungan linear positif yang tinggi. Maka, H_{o1} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah terhadap motivasi intrinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah adalah tinggi, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 2: Korelasi skor min kesediaan pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dengan motivasi intrinsik

		Motivasi Intrinsik
Kesediaan	<i>Pearson Correlation</i>	0.78**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

Soalan Kajian 1a

Bagi menjawab soalan kajian 1a, maka pengkaji telah membentuk hipotesis nol (H_0) bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) seperti berikut:

H_{o1a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek pengetahuan dengan motivasi intrinsik.

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek pengetahuan [$r=0.68$, $p=0.00$] terhadap motivasi intrinsik adalah signifikan iaitu hubungan linear positif yang tinggi. Maka, H_{o1a} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek pengetahuan terhadap motivasi intrinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek pengetahuan adalah tinggi, maka motivasi intrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 3: Korelasi skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek pengetahuan dengan motivasi instrinsik

		Motivasi Instrinsik
Pengetahuan	<i>Pearson Correlation</i>	0.68**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

Soalan Kajian 1b

Bagi menjawab soalan kajian 1b, maka pengkaji telah membentuk hipotesis nol (H_0) bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) seperti berikut:

H_{0b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek kemahiran terhadap motivasi instrinsik.

Berdasarkan Jadual 4, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek kemahiran [$r=0.69$, $p=0.00$] terhadap motivasi instrinsik adalah signifikan iaitu hubungan linear positif yang tinggi. Maka, H_{0b} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek kemahiran terhadap motivasi instrinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek kemahiran adalah tinggi, maka motivasi instrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 4: Korelasi skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek kemahiran dengan motivasi instrinsik

		Motivasi Instrinsik
Kemahiran	<i>Pearson Correlation</i>	0.69**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

Soalan Kajian 1c

Bagi menjawab soalan kajian 1c, maka pengkaji telah membentuk hipotesis nol (H_0) bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) seperti berikut:

H_{0c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek sikap terhadap motivasi instrinsik.

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek sikap [$r=0.72, p=0.00$] terhadap motivasi instrinsik adalah signifikan iaitu hubungan linear positif yang amat tinggi. Maka, H_{01c} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek sikap terhadap motivasi instrinsik dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek sikap adalah tinggi, maka motivasi instrinsik dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 5: Korelasi skor min kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dari aspek sikap dengan motivasi instrinsik

		Motivasi Instrinsik
Sikap	<i>Pearson Correlation</i>	0.72**
	<i>Sig</i>	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.05 level*

Soalan Kajian 2

Bagi menjawab soalan kajian 2, maka pengkaji telah membentuk hipotesis nol (H_0) bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) seperti berikut:

H_{02} : Tidak terdapat sumbangan yang signifikan bagi pembolehubah peramal iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dengan motivasi instrinsik.

Berdasarkan Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukkan bahawa pembolehubah pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah menyumbang secara signifikan terhadap motivasi instrinsik [$F(3, 517)=210.73, p=0.00$]. Maka, H_{02} berjaya ditolak. Oleh itu, terdapat sumbangan yang signifikan antara pembolehubah peramal iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah terhadap motivasi instrinsik. Secara keseluruhannya, kesemua pembolehubah peramal dalam kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah menyumbang sebanyak 55 peratus varians terhadap motivasi instrinsik ($r^2=0.55$) yang menunjukkan terdapat kesan saiz yang sederhana (Cohen, 2013). Sungguhpun begitu, ketiga-tiga pembolehubah peramal tersebut telah memberi sumbangan secara signifikan terhadap motivasi instrinsik berdasarkan nilai pemberat regresi piawai (β) iaitu pembolehubah sikap merupakan peramal yang tertinggi ($\beta=0.40, t=6.78, p=0.00$) dan pembolehubah pengetahuan ($\beta=0.22, t=3.83, p=0.00$) dan pembolehubah kemahiran ($\beta=0.17, t=2.60, p=0.01$). Perkara ini menunjukkan bahawa nilai (β) bagi setiap unit peningkatan dalam pembolehubah tidak bersandar adalah diikuti dengan setiap unit peningkatan dalam

pembolehubah bersandar. Maka, nilai pekali menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear bagi model dengan persamaan garis lurus bagi motivasi instrinsik dengan pemboleh ubah peramal adalah seperti berikut:

$$Y = A + B_1 X_1 + B_2 X_2 + B_3 X_3 + e$$

$$[Y = 1.59 + 0.17 X_1 + 0.13 X_2 + 0.31 X_3 + 0.11]$$

di mana

y = motivasi instrinsik

A = pemalar

B₁, B₂, B₃ = pekali

X₁ = pengetahuan

X₂ = kemahiran

X₃ = sikap

e = ralat kajian

Jadual 6: Analisis Varians Regresi Pelbagai

Pembolehubah	Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
Regresi	240.32	5	80.11	210.73	0.00
Reja	196.53	517	0.38		
Jumlah	436.85	520			

Jadual 7: Analisis Regresi Pelbagai bagi motivasi instrinsik dengan pembolehubah peramal

Pembolehubah	Pekali tidak piawai (B)	Ralat pekali	Pekali Piawai (β)	t	Sig.
Pemalar	1.59	0.11		14.46	0.00
Pengetahuan	0.17	0.05	0.22	3.83	0.00
Kemahiran	0.13	0.05	0.17	2.60	0.01
Sikap	0.31	0.05	0.40	6.78	0.00

PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah merupakan aspek penting yang mempengaruhi motivasi instrinsik dalam kalangan murid. Kepentingan penggunaan sumber-sumber sejarah dalam mata pelajaran sejarah adalah selaras dengan penekanan yang disarankan dalam kurikulum sejarah yang menjelaskan sumber-sumber sejarah merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran sejarah yang digunakan bagi membuat suatu pentafsiran sejarah (PPK, 2003; 2015). Oleh itu, aspek yang lain dalam kurikulum sejarah perlu diteroka bagi membolehkan suatu gambaran yang terperinci dapat diperolehi berkaitan dengan motivasi instrinsik dapat dilakukan. Hal ini kerana penggunaan sumber-sumber sejarah dibuktikan dapat meningkatkan penglibatan dalam kalangan murid walaupun ianya masih belum diintegrasikan sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas (Barton & Levstik, 2003; Marino, 2012; Cowgill & Waring, 2017; Patterson et al, 2012; Reisman 2012). Di samping itu, kesediaan murid dalam mengikuti proses pembelajaran di dalam kelas yang berteraskan kepada proses pemerolehan maklumat

secara aktif merupakan faktor yang menyumbang kepada motivasi intrinsik selaras dengan Teori Keazaman Kendiri (Deci & Ryan, 1985) yang menjelaskan motivasi seseorang individu mempunyai kaitan dan menjadi peramal prestasi, hubungan dan hasil berdasarkan acuan pengajaran dan pembelajaran yang dirancang atau ditetapkan. Saranan teori ini adalah bertepatan dengan kajian-kajian lepas (Nokes, 2014; Greene, Bolick dan Robertson, 2010; Abdul Razaq Ahmad, Ahmad Ali Seman, Mohd Mahzan Awang & Fadzillah Sulaiman, 2015; Nurul Hafizah Ma'rof, Nurul Suzaina Joli & Nur Nadia Lani, 2018) yang menjelaskan bahawa keberkesanan amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas adalah berkesan untuk meningkatkan motivasi dalam mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya. Maka, kesediaan murid dalam aktiviti pembelajaran secara *hand-on* dan *mind-on* dapat membentuk suasana pembelajaran yang bermakna dan seterusnya dapat meningkatkan motivasi belajar yang lebih baik dalam kalangan murid.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kesediaan dalam pembelajaran berasaskan sumber-sumber sejarah dan motivasi instrinsik merupakan aspek penting dalam pelaksanaan kurikulum sejarah di semua peringkat persekolahan. Hal ini kerana kesediaan dan motivasi tersebut telah dibuktikan dalam kajian ini adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain dalam kalangan murid. Justeru, murid-murid perlu menyedari kepentingan penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Implikasi kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri dan sebagainya dengan mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan kesediaan pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih baik yang didapati berupaya untuk meningkatkan motivasi instrinsik dalam kalangan murid bagi membolehkan objektif kurikulum sejarah dapat dicapai.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2000). *Model dan Pendekatan Pengajaran Sejarah KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razaq Ahmad, Ahmad Ali Seman, Mohd Mahzan Awang & Fadzillah Sulaiman. (2015). Application of Multiple Inttelligence Theory to increase student motivation in learning history. *Asian Culture and History*, 7(1), 210-219.
- Albreeht, J.R., & Karabenick, S.A. (2018). Relevance for learning and motivation in education. *The Journal of experimental Education*, 86(1), 1-10.
- Ambika Luhitadati, Maskun & Suparman Arif. (2017). Hubungan Motivasi Berprestasi dengan Hasil Belajar Siswa pada Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah*, 5(8), 1-12.
- Barton, K.C., & Levistik, L.S. (2003). Why don't more history teachers engage students in interpretation? *Social Education*, 67(6), 358-358.
- Boon Pong Ying & Ragbir Kaur Joginder Kaur. (1998). *Education Psychology*. Shah Alam: Penerbit Fajar bakti.

- Brown, C.A., & Dotson, K. (2007). A Case Study Using Digital Primary Source Documents. *TechTrends*, 51(3), 30-37.
- Ch'ng, S. H. (2005). *Penggunaan ICT Untuk Memperkembangkan Pengetahuan, Kreativiti Dan Minat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Cohen, J. (2013). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences* (2nd Ed). Haboken: Taylor & Francis.
- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical Thinking: An Evaluation of Student and Teacher Ability to Analyze Sources. *Journal of Social Studies Education Research*, 8(1), 115-145.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed). United States: Pearson International.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination of Human Behavior*. New York: Plenum.
- Dutt-Doner, K.M. (2015). Increasing Pre-service Teachers' Capacity to Utilize and Implement Primary Source Instruction in the Elementary Classroom. *National Teacher Education Journal*, 8(1), 13-24.
- Fadzilah Sulaiman (2010). *Keberkesanan Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Untuk Meningkatkan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Berpencapaian Akademik Rendah Dalam Mata Pelajaran Sejarah*. Tesis Sarjana Universiti Kabangsaan Malaysia.
- Getman-Eraso, J., & Culkin, K. (2017). Close Reading: Engaging and Empowering History Students through Document Analysis on e-Portfolio. *International Journal of e-Portfolio*, 7(1), 29-42.
- Greene, J.A., Bolick, C.M., & Robertson, J. (2010). Fostering Historical Knowledge and Historical Thinking Skills Using Hypermedia Learning Environments: The Role of Self-regulated learning. *Journal Computers & Education*, 54(1), 230-243.
- Harris, L.M., Halvorsen, A.L., & Aponte-Martinez, G.J. (2015). "[My] family has gone through that": How high school students determine the trustworthiness of historical documents. *The Journal of Social Studies Research*, 40, 109-121.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Kaviza, M. (2018). Penggunaan sumber sejarah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran sejarah: Adakah murid sudah bersedia untuk meneroka? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(5), 41-47.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota
- Library of Congress. (2006). *Using Primary Sources*. Retrieved from [http://www.loc.gov/teahers/using primary sources/](http://www.loc.gov/teahers/using_primary_sources/)
- Marino, M. (2012). Urban Space as a primary source: Local history and historical thinking in New York City. *Social Studies*, 103(3), 107-116.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib. (2016).

- Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7, 44-56.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (4th Ed). Boston: Allyn and Bacon.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nokes, J.D., Dole, J.A., & Hacker, D.J. (2007). Teaching High School Students to Use Heuristics While Reading Historical Texts. *Journal of Educational Psychology*, 4(9), 1-13.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Nurul Hafizah Ma'rof, Nurul Suzaina Joli & Nur Nadia Lani. (2018). Tinjauan kecenderungan Pelajar Pintar, Cerdas dan Berbakat dalam Subjek Sejarah Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(20), 51-64.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn Bhd.
- Patterson, N.C., Lucas, A.G., & Kithinji, M. (2012). Higher Order Thinking in Social Studies: An analysis of Primary Source Document Use. *Social studies Research and Practice*, 7(2), 68-85.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reisman, A. (2012). The "Document-Based Lesson": Bringing Disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions of Educative document based curricular materials to quality of historical instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Roth, W.M., & Hsu, P.L. (2008). Interest and Motivation: A cultural-Historical and Discursive Psychological Approach. In J.E. Larsons, "*Cognition and Learning, Individual Differences and Motivation*". Nova: Science Publisher.
- Straaten, D.V., Wilschut, A., & Oostdam, R. (2015). Making history relevant to students by connecting past, present and future: A framework for research. *Journal of Curriculum Studies*, 1-25.
- Subadrah Nair, Rajeswari P.Sinnasamy & Najeemah Mohd Yusof. (Julai, 2011). *Patriotisme dalam kalangan murid Tingkatan Empat dan hubungannya dengan minat terhadap Sejarah*. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Suh, Y. (2013). Past Looking: Using Arts as Historical Evidence in Teaching History. *Social Studies Research and Practice*, 8(1), 135-159.
- Suntharalingam. (1985). *Pengenalan Kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Marican & Sons
- Tally, B., & Goldenberg, L.B. (2005). Fostering Historical Thinking with Digitized Primary Resources. *Journal of Research on Technology in Education*, 38(1), 1-21